

**UCAPAN YB. SENATOR DATUK SERI SYED IBRAHIM BIN KADER
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
AR-RAHNU EXCHANGE PAJAK GADAI ISLAM
DIMILIKI OLEH KOPERASI KIMMA MALAYSIA BERHAD (KOOPKIMMA)**

Tarikh : 16 Julai 2016 (Sabtu)

Masa : 11.00 pagi hingga 2.00 petang

Bismillahirrahmanirrahim..

Assalamualaikum w.b.t..

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia..

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. dengan limpah dan kurnianya dapat kita bersama-sama meraikan majlis yang penuh gemilang ini, Majlis Perasmian Ar-Rahnu Exchange Pajak Gadai Islam yang merupakan satu-satunya di Jalan Masjid India ini. Terlebih dahulu, saya ingin juga mengucapkan sekalung tahniah kepada Pengerusi Koperasi KIMMA Malaysia Berhad (KopKIMMA), Prof. Dato' Dr. Mohd Hairunizam dan juga Ahli Lembaga Koperasi KIMMA yang lain yang mana telah berusaha bertungkus-lumus dalam menubuhkan Ar-Rahnu Exchange ini. Tidak dilupakan juga, terima kasih diucapkan kepada wakil daripada Bank Rakyat yang mana telah banyak memberi kerjasama dan pertolongan. Saya amat pasti, tanpa usaha, komitmen dan pengorbanan masa dan tenaga daripada mereka ini, majlis dan penubuhan Ar-Rahnu ini tidak mampu diadakan.

Apa yang boleh dilihat, sistem ini telah banyak memberi manfaat dan kemudahan bagi sesiapa sahaja yang memerlukan keperluan dari segi kewangan. Lebih-lebih lagi kemudahan yang diberi khususnya kepada orang Islam secara komersialnya, diaplikasi secara menyeluruh ciri-ciri Islamik terhadap sistem pajak gadai yang ditawarkan dan sememangnya, jauh lebih murah jika dibandingkan dengan sistem konvensional yang perlu melalui fasa-fasa tertentu yang mana lebih mahal dan mempunyai kadar nilai bunga yang lebih tinggi. Kemudahan dan manfaat yang ditawarkan tidak boleh didapati di mana-mana tempat pajak gadai konvensional.

Apa yang lebih menarik lagi, agar manfaat terus-menerus sampai kepada pelanggan, jika emas yang dipajak gadai kepada Ar-Rahnu Exchange tidak boleh ditebus balik, ianya akan dijual dan dilelong pada harga yang akan ditetapkan mengikut harga pasaran. Sekiranya terdapat lebih jumlah wang dari jualan, lebih wang tersebut akan dipulangkan semula kepada pelanggan. Selain itu, ahli-ahli KIMMA juga dibolehkan untuk melabur di dalam KopKIMMA dalam kadar nilai serendah RM500 sehingga ke RM20,000 dan hasil daripada pelaburan, membolehkan mereka mendapat pulangan pendapatan yang lumayan. Perkenalan mekanisme ini akan diteruskan lagi dengan perancangan membuka satu lagi cawangan Ar-Rahnu dalam masa terdekat dan tempat akan dimaklumkan kemudian. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyeru, khususnya kepada kaum India Muslim dan juga kepada semua kaum yang lain, marilah kita bersama-sama memberi sokongan dan turut serta dalam penglibatan pajak gadai berteraskan Islam ini. Tidak kira apa jua bangsa, anda semua dibolehkan untuk menikmati kemudahan dan manfaat yang disediakan di Ar-Rahnu Exchange.

Penubuhan Ar-Rahnu Exchange ini sememangnya dirangka khas dalam menyediakan kemudahan kewangan kepada orang awam selain dapat membantu bagi sesiapa sahaja yang memerlukan mengikut terma dan syarat yang dikenakan. Akhir kata, dengan harapan yang tinggi, semoga pembukaan Ar-Rahnu Exchange ini berjalan dengan lancar dan berjaya dan terus berjaya serta dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh orang ramai. Saya sudahi ucapan ini dengan

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....